

Trend dalam Mortaliti di Semenanjung Malaysia : Implikasi Terhadap Polisi Kesehatan dan Polisi Umur Pecen di Malaysia.

Che Hashim Bin Hassan

Jabatan Ekonomi, fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan trend dalam Mortaliti bagi ketiga-tiga etnik utama, Melayu, Cina dan India di Semenanjung Malaysia. Trend mortaliti yang dibincangkan adalah berdasarkan Kadar Kasar Kelahiran (KKK) atau Crude Death Rate, Kadar Kematian Bayi (KKB) atau Infant Mortality Rate dan Jangkaan Hayat Kelahiran (JHK) atau Life Expectancy at Birth. Trend dalam ketiga-tiga indeks mortaliti tersebut dikaji bermula dari tahun-tahun 1940-an hinggalah sekarang ini. Kajian mengenai trend dalam mortaliti ini dapat memberi panduan kepada pembuat polisi. Pertamanya, polisi untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat supaya keadaan mortaliti bagi kumpulan penduduk tertentu dapat diturunkan lagi. Keduanya, analisis mengenai jangkaan hayat kelahiran boleh memberi panduan kepada pembuat polisi berkaitan dengan peningkatan taraf kesihatan, gaya hidup serta polisi umur pecen di Malaysia. Adalah diharapkan, analisis kajian ini dapat memberi input kepada pembuat polisi untuk memberi penumpuan kepada peningkatan taraf kesihatan dan umur penduduk serta menilai kedinamikan polisi umur pecen di Negara kita, Malaysia.

PENGENALAN

Kertas kerja ini membincangkan trend dalam Mortaliti bagi ketiga-tiga etnik utama; Melayu, Cina dan India di Semenanjung Malaysia. Indeks mortaliti yang dikaji dan dianalisis adalah Kadar Kasar Kelahiran (KKK) atau *Crude Death Rate*, Kadar Kematian Bayi (KKB) atau *Infant Mortality Rate* dan Jangkaan Hayat Kelahiran (JHK) atau *Life Expectancy at Birth*. Trend dalam ketiga-tiga indeks mortaliti, KKK, KKB dan JHK di atas dikaji bermula pada tahun-tahun 1940-an hinggalah sekarang ini.

Trend dalam KKK dapat memberi gambaran secara umum tentang keadaan mortaliti di Semenanjung Malaysia. Manakala trend dalam KKB dapat menjelaskan keadaan kematian bayi yang semakin menurun dan sudah berada di peringkat yang agak rendah. Manakala trend dalam JHK dapat menerangkan aspek tingkat kesihatan dan gaya hidup penduduk serta perbandingan purata umur masyarakat dengan polisi umur pecen di Malaysia.

TREND KADAR KASAR KEMATIAN (KKK)

Kadar Kasar Kematian (KKK) adalah satu pengukuran asas bagi mortaliti. KKK mengukur bilangan kematian bagi setiap 1000 penduduk bagi jangka masa, biasanya satu tahun. Walaupun terdapat banyak kelemahan dalam menggunakan kadar ini untuk membuat perbandingan paras mortaliti antara penduduk atau antara masa, tetapi kadar ini boleh digunakan untuk melihat paras mortaliti secara umum bagi sesuatu penduduk. Secara umumnya kita dapat katakan, jika KKK ini melebihi 30/000, paras mortaliti penduduk tersebut adalah tersangat tinggi. Jika nilai KKK di antara 25/000 hingga 29/000, kita boleh katakan paras mortaliti tersebut adalah sangat tinggi. Bagi nilai KKK di antara 20/000 hingga 24/000, paras mortaliti adalah tinggi. Bagi KKK 15/000 hingga 19/000, kita dapat katakan paras mortaliti penduduk tersebut adalah sederhana tinggi. Manakala bagi nilai KKK antara

10/000 hingga 14/000 adalah sederhana rendah, 5/000 hingga 9/000 adalah rendah dan KKK yang kurang daripada 5/000 boleh dianggap tersangat rendah. Penilaian KKK dirumuskan dalam Jadual 1.1 di bawah :

Jadual 2.1 : Penilaian Umum Kadar Kasar Kematian *

<i>30/000 dan ke atas</i>	Tersangat tinggi
<i>25/000 – 29/000</i>	Sangat Tinggi
<i>20/000 – 24/000</i>	Tinggi
<i>15/000 – 19/000</i>	Sederhana Tinggi
<i>10/000 – 14/000</i>	Sederhana Rendah
<i>5/000 – 9/000</i>	Rendah
<i>Kurang 5/000</i>	Sangat rendah

*** Catetan : Pembahagian ini bukanlah pembahagian mutlak tetapi boleh dijadikan panduan menilai tahap KKK bagi sesebuah kependudukan.**

Trend dalam KKK bagi ketiga-tiga etnik di Semenanjung Maaysia sejak tahun 1947 hingga tahun 1997 dirumuskan dalam Jadual 2.2 di bawah. Pada tahun 1947, KKK bagi semua etnik boleh dianggap tinggi. KKK etnik Melayu yang tertinggi diikuti oleh KKK etnik India dan Cina. Satu dekad kemudiannya, KKK bagi semua etnik turun ketahap 12.4, iaitu pada tahap yang dianggap sederhana rendah. Pada tahun 1967, KKK bagi semua etnik terus menurun ketahap 7.5, dimana pada tahap ini KKK boleh dianggap sudah berada pada tahap yang rendah.

Pada tahun 1947 hingga 1967, KKK bagi semua etnik mengalami penurunan yang agak laju. Penurunan tersebut berterusan sehinggalah ke tahun 1987 dan 1997, KKK bagi semua etnik berada pada tarap sekitar 5, tahap yang sangat rendah dan stabil.


Jadual 2.2**Kadar Kasar Kematian Mengikut Etnik, Semenanjung Malaysia, 1947 – 1997**

Tahun	Kadar Kasar Kematian (KKK)			
	Semua Kaum	Melayu	Cina	India
1947	19.4	24.3	14.3	15.8
1957	12.4	14.9	9.8	11.1
1967	7.5	8.1	6.4	8.6
1977	6.0	6.0	5.7	7.3
1987	4.8	4.5	5.0	6.1
1997	5.0	4.7	5.1	5.7

Sumber : Laporan Am Banci Penduduk, 1947,1957 dan Perangkaan Penting, Semenanjung Malaysia, 1968, 1978, 1988 dan 1998.

Secara gambar rajah, trend dalam KKK bagi keseluruhan dan ketiga-tiga etnik utama, Melayu, Cina dan India di tunjukkan dalam Gambar Rajah 1 di bawah . Pada tahun 1947, KKK bagi semua kaum adalah 19.4/000. KKK bagi kaum Melayu pada masa itu adalah 24.3/000 yang paling tinggi jika dibandingkan dengan Cina (14.3/000) dan India (15.8/000). Dalam jangkamasa dua dekat, atau sehingga tahun 1967, KKK bagi semua kaum menunjukkan penurunan yang sangat laju. Kaum Melayu mengalami penurunan yang paling banyak, iaitu 67%, Cina menurun sebanyak 55% dan India menurun sebanyak 54%. Dalam jangkamasa dua dekad tersebut KKK telah menurun daripada peringkat tinggi ke peringkat yang boleh dianggap rendah.

Gambar Rajah 1 : Kadar Kasar Kematian, Semenanjung Malaysia,
Mengikut Etnik, 1947-1997



Sumber : Laporan Am Banci Penduduk, 1947,1957 dan Perangkaan Penting, Semenanjung Malaysia, 1968, 1978, 1988 dan 1998.

Pada tahun 1987 dan 1997, KKK bagi etnik Melayu adalah sedikit lebih rendah daripada KKK etnik India dan Cina. KKK bagi semua etnik menunjukkan trend yang menurun dengan laju bagi dekad-dekad 1947 hingga 1967 dan menurun dengan kadar yang lebih perlahan di antara tahun 1967 hingga tahun 1987. Bagi tahun 1987 hingga tahun 1997 dan hingga sekarang ini, KKK bagi semua etnik sudah berada sekitar 5/000, atau pada paras yang sudah tersangat rendah. Untuk turun lagi sudah agak sukar.

Kadar ini bukan sahaja sudah tersangat rendah, malah lebih rendah daripada KKK bagi kebanyakan negara maju sekarang ini.

TREND DALAM KADAR KEMATIAN BAYI (KKB)

Kadar Kematian Bayi (KKB) adalah pengukuran bilangan kematian bagi setiap 1000 kelahiran hidup bagi satu tahun. Kadar ini biasanya digunakan oleh ahli Demografi untuk melihat tingkat kesejahteraan masyarakat se sebuah kependudukan. Kalau KKB ini tinggi bermakna rendahlah tingkat kesejahteraan masyarakatnya, sebaliknya jika KKB ini rendah, maka tingkat kesejahteraan masyarakatnya adalah tinggi.

Trend dalam KKB etnik Melayu, Cina dan India di Semenanjung Malaysia sejak tahun 1947 dirumuskan dalam Jadual 3.1 di bawah :

Jadual 3.1

KADAR KEMATIAN BAYI MENGIKUT ETNIK, SEMENANJUNG MALAYSIA
 Che Hashim Bin Hassan. Trend dalam Mortalitiif icops2010

1947 – 1997

ETNIK/TAHUN	1947	1957	1967	1977	1987	1997
Semua Etnik	102.2	75.5	45.1	30.0	14.4	9.5
Melayu	129.6	101.4	53.4	34.2	16.0	10.4
Cina	70.6	46.9	30.2	20.8	9.2	5.5
India	99.7	72.4	51.6	33.4	14.1	9.6


Sumber : Laporan Am Banci Penduduk, 1947, 1957 dan Perangkaan Penting 1968, 1978, 1988 dan 1998.

Trend dalam KKB bagi etnik Melayu berbanding dengan Cina dan India, sejak tahun 1947 hingga tahun 1997 ditunjukkan dalam Gambar Rajah 3 di bawah. Trend bagi KKB adalah serupa dengan trend dalam KKK. Penurunan berterusan dalam KKB, daripada kadar yang sangat tinggi pada tahun 1947 (102.2) ketahap yang rendah pada tahun 1997 (9.5). Bagi tahun 1947 hingga 1967, KKB mengalami penurunan sebanyak 56%. Di antara tahun 1967 hingga tahun 1997, KKB mengalami penurunan sebanyak 41% lagi. Penurunan yang sangat laju dari tahun 1947 hingga 1997, sehinggalah KKB sekarang ini berada pada tahap yang sudah dianggap sangat rendah.

Secara gambarajah, trend dalam KKB semua etnik dapat dilihat dalam Gambarah 3 di bawah :

Gambar Rajah 3 : Kadar Kematian Bayi, Semenanjung Malaysia, Mengikut Etnik

1947 - 1997



Sumber : Laporan Am Banci Penduduk, 1947, 1957 dan Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia, 1968, 1978, 1988 dan 1998.

Pada tahun 1947, KKB boleh dianggap sangat tinggi. KKB menunjukkan trend penurunan yang sangat laju sejak tahun 1947 hinggalah ke tahun 1967. Penurunan yang agak sederhana laju sejak tahun 1967 hingga ke tahun 1987. Di antara tahun 1987 dan 1997 KKB menurun dengan sangat perlahan dan berada pada peringkat yang sangat rendah.


Penurunan dalam kedua-dua kadar di atas sudah mencukupi untuk kita menyimpulkan bahawa paras mortaliti bagi penduduk Semenanjung Malaysia telah mengalami penurunan yang sangat banyak sejak tahun 1947. Penurunan yang sangat laju adalah bagi jangka masa 1947 hingga tahun 1967. Penurunan masih berterusan dengan kadar yang lebih perlahan sedikit bagi jangka masa tahun 1967 hingga tahun 1987. Selepas tahun 1987 hingga tahun 1997, kadar penurunan sudah sangat perlahan dan kedua-dua kadar tersebut juga sudah berada pada paras yang sangat rendah. Dapat dirumuskan di sini, bahawa paras mortaliti penduduk Semenanjung Malaysia sekarang ini sudah berada pada paras yang sangat rendah. Kesan penurunan kedua-dua kadar, KKK dan KKB tersebut dapat juga dilihat dalam trend bagi Jangkaan Hayat Kelahiran bagi ketiga-tiga etnik mengikut jantina di Semenanjung Malaysia.

TREND DALAM JANGKAAN HAYAT KELAHIRAN (JHK)

Jangkaan Hayat Kelahiran (JHK) merupakan satu indeks mortaliti yang juga digunakan untuk mengukur tingkat kesejahteraan masyarakat. Semakin tinggi JHK, semakin tinggilah tingkat kesejahteraan sesuatu masyarakat itu. JHK ini merupakan satu angka purata jumlah tahun hidup bagi satu kohot kelahiran, biasanya bagi 100,000 orang. Purata Jumlah tahun hidup (persons years lived) dipanggil JHK. Biasanya kita boleh dapati JHK daripada sebuah Jadual Hayat

Trend bagi JHK bagi etnik Melayu lelaki dan perempuan sejak tahun 1957 hingga tahun 2000, ditunjukkan dalam Gambar Rajah 3 di bawah. Pada tahun 1957 dahulu JHK etnik Melayu bagi kedua-dua jantina adalah sangat rendah. JHK lelaki adalah 50.23 tahun manakala perempuan pula adalah 53.39 tahun. JHK tersebut meningkat menjadi 63.75 tahun bagi lelaki dan 65.52 tahun bagi perempuan pada tahun 1970. JHK etnik Melayu terus meningkat kepada 67.88 tahun bagi lelaki dan 70.98 bagi perempuan pada tahun 1980. Pada tahun 1990.

Rajah 3 : Jangkaan Hayat Kelahiran, Melayu, Semenanjung Malaysia, 1957 – 2000




Sumber : Laporan Am Banci Penduduk 1957, Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia 1971, 1981, 1992 dan Laporan Am Banci Penduduk 2000.

JHK lelaki Melayu menjadi 68.8 tahun dan perempuan 73.0 tahun. Pada tahun 2000 pula, JHK tersebut meningkat lagi menjadi 70.8 tahun bagi lelaki dan 75.5 tahun bagi perempuan.

Trend dalam JHK bagi etnik Cina ditunjukkan dalam Rajah 4 di bawah. JHK bagi etnik Cina adalah yang paling tinggi berbanding dengan JHK etnik India dan Melayu. Pada tahun 1957, JHK etnik Cina lelaki adalah 59.52 tahun dan perempuan 66.73 tahun. JHK etnik Cina ini meningkat menjadi 65.08 tahun bagi lelaki dan 73.36 bagi perempuan pada tahun 1970. JHK etnik Cina meningkat lagi menjadi 68.10 bagi lelaki

Gambar Rajah 4 : Jangkaan Hayat Kelahiran, Cina, Semenanjung Malaysia, 1957 - 2000




Sumber : Laporan Am Banci Penduduk 1957, Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia 1971, 1981, 1992 dan Laporan Am Banci Penduduk 2000.

dan 75.84 bagi perempuan pada tahun 1980. JHK etnik Cina meningkat lagi kepada 72.10 tahun bagi lelaki dan 77.8 tahun bagi perempuan pada tahun 1990. Pada tahun 2000, JHK lelaki Cina menjadi 75.08 tahun dan perempuan 78.09 tahun.

Jangkaan Hayat Kelahiran bagi etnik India pula ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5 di bawah. JHK bagi etnik India juga menunjukkan peningkatan. Pada tahun

Gambar Rajah 5 : Jangkaan Hayat Kelahiran, India, Semenanjung Malaysia

1957-2000



Sumber : Laporan Am Banci Penduduk 1957, Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia

1971, 1981, 1992 dan Laporan Am Banci Penduduk 2000.

1957, JHK etnik India lelaki adalah 57.49 tahun dan perempuan 54.6 tahun. Pada tahun 1970, JHK tersebut meningkat kepada 60.16 tahun bagi lelaki dan 63.87 tahun bagi perempuan. Manakala pada tahun 1980, JHK India lelaki menjadi 63.23 tahun dan perempuan 67.0 tahun. JHK India meningkat lagi, pada tahun 1990 JHK lelaki India adalah 65.4 tahun dan perempuan 73.4 tahun. Pada tahun 2000, JHK India lelaki meningkat ke 69.3 tahun dan perempuan 75.42 tahun.

Jangkaan Hayat Lelaki Cina adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan lelaki Melayu dan India. JHK lelaki Cina pada tahun 2000 adalah 75.08 tahun manakala bagi lelaki Melayu dan India masing-masing 70.04 tahun dan 69.3 tahun. Bagi perempuan Cina pula, JHK adalah 78.09 tahun lebih tinggi jika dibandingkan dengan JHK perempuan Melayu, 75.06 dan JHK perempuan India 75.42 tahun.

ANALISIS KKK, KKB DAN IMPLIKASI TERHADAP POLISI KESIHATAN NEGARA.

KKK telah menurun berterusan dari paras yang tinggi pada tahun 1940-an hinggalah ke paras yang sangat rendah sekarang ini (sejak tahun 1980-an). Untuk turun lagi sudah amat sukar, kerana KKK Semenanjung Malaysia sekarang sudah menyamai KKK di kebanyakan negara maju. Hal ini, secara umumnya menunjukkan tingkat kesihatan penduduk Semenanjung Malaysia sudah boleh dianggap sangat baik.

Kalau dilihat kepada trend dalam KKB, walaupun kadar ini menunjukkan penurunan yang berterusan sejak tahun 1940-an, daripada kadar yang sangat tinggi kepada kadar yang rendah pada masa ini. Kalau diperhatikan KKB bagi semua etnik adalah 10.4. Kadar KKB bagi etnik Cina adalah 5.5 dan lebih rendah daripada KKB bagi etnik Melayu (10.4) dan India (9.6). Ini bermakna, bagi etnik Melayu dan India, masih ada lagi ruang untuk mempergiatkan lagi kemudahan perkhidmatan kesihatan terutamanya perkhidmatan kelinik ibu mengandung dan kelinik atau kemudahan hospital bagi ibu melahirkan anak. Agar proses mengandung dan melahirkan anak dapat diberi perkhidmatan yang terbaik supaya ibu-ibu dapat melahirkan anak yang sihat dan selamat. Ini bermakna tumpuan haruslah diberikan kepada menyediakan kemudahan kelinik ibu mengandung dan hospital bersalin hendaklah memberi tumpuan kepada penduduk kawasan luar bandar dimana kedua-dua etnik tersebut majoritinya tinggal di kawasan luar bandar dan estet-estet. Penurunan dalam KKB bagi etnik Melayu dan India sudah pasti akan menyumbang kepada peningkatan dalam jangkaan hayat kelahiran kedua-dua etnik tersebut memandangkan JHK kedua-dua etnik ini masih lebih rendah jika dibandingkan dengan JHK etnik Cina.

ANALISIS JANGKAAN HAYAT DAN IMPLIKASI TERHADAP POLISI GAYA HIDUP SIHAT DAN POLISI UMUR PENCEN DI MALAYSIA.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah, JHK bagi semua etnik menunjukkan peningkatan yang sangat banyak sejak tahun 1950-an. Etnik Cina yang paling tinggi dengan JHK perempuan sebanyak 78.09 tahun dan lelaki 75.08 tahun. Secara umumnya, walaupun JHK etnik Cina sudah agak tinggi tetapi ruang untuk meningkatkan lagi JHK etnik ini masih ada memandangkan JHK bagi penduduk Jepun yang tertinggi di dunia adalah 86 tahun bagi perempuan dan 80 tahun bagi lelaki.

Secara umumnya, kemudahan kesihatan, terutamanya kemudahan kesihatan untuk orang-orang tua hendaklah diperbanyakkan di kawasan luar bandar agar penduduk tua Melayu dan India boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan bagi umur tua dengan mudah. Manakala kempen bagi pemakanan yang sihat serta gaya hidup yang sihat hendaklah digiatkan lagi bagi semua kaum supaya JHK bagi semua kaum dapat dipertingkatkan lagi. Kempen tersebut termasuklah memberi kesedaran tentang makanan yang seimbang dan mempunyai kerendahan risiko kematian lebih awal daripada sepatutnya. Kempen eksesais dan penghindaran pengamalan tabiat merokok atau minum arak yang berlebihan dan lain-lain

Che Hashim Bin Hassan. Trend dalam Mortalitiif icops2010

tabiat yang berisiko tinggi seperti kelajuan memandu, hendaklah digiatkan lagi agar bilangan kematian peringkat umur yang kurang daripada sepatutnya dapat dikurangkan dan seterusnya meningkatkan lagi JHK bagi semua etnik di Semenanjung Malaysia.

Sejak merdeka pada tahun 1957, umur pencen bagi perkhidmatan awam dan badan-badan berkanun di Malaysia adalah 55 tahun. Pada tahun 2001, umur pencen tersebut telah disemak semula menjadi 56 tahun. Penyemakan umur pencen yang dibuat pada tahun 2001 tersebut adalah berasaskan kepada pentafsiran umur mengikut definisi bukannya satu penyemakan yang dibuat untuk meningkatkan umur pencen berasaskan fakta demografik dan produktiviti.

Pada tahun 1957 dahulu JHK yang paling rendah sekali adalah bagi etnik JHK etnik Melayu lelaki adalah 50.23 tahun dan perempuan adalah 53.39 tahun. Jika kita bandingkan dengan umur pencen 55 tahun pada masa itu, bermakna secara puratanya orang Melayu di Semenanjung Malaysia mati sebelum pencen. Begitu juga dengan perempuan India yang mempunyai JHK 54.6 tahun.

JHK bagi semua etnik, lelaki dan perempuan telah meningkat dengan banyaknya sejak merdeka hingga sekarang ini dan sudah jauh melebihi paras umur pencen 56 tahun. Lihatlah peningkatan JHK 1957 hingga tahun 2000 seperti yang dirumuskan dalam Jadual 3 di bawah :

Jadual 3 : Jangkaan Hayat Kelahiran, Mengikut Etnik, Semenanjung Malaysia

1957 – 2000.

Tahun/ Etnik	Melayu		Cina		India	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
1957	50.23	53.39	59.52	66.73	57.49	54.60
1970	63.75	65.52	65.08	73.36	60.16	63.87
1980	67.88	70.98	68.10	75.84	63.23	67.00
1990	68.80	73.00	72.10	77.80	65.4	73.4
2000	70.04	75.06	75.08	78.09	69.30	75.42

Sumber : Laporan Am Banci Penduduk 1957, Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia

1971, 1981, 1992 dan Laporan Am Banci Penduduk 2000.

Perhatikan kepada JHK bagi semua etnik pada tahun 1957 dan bandingkan dengan umur pencen pada waktu itu. JHK bagi semua etnik boleh dianggap sangat rendah jika dibandingkan dengan potensi JHK yang boleh sampai ke angka 80 tahun atau lebih dan Sangat rendah juga jika dibandingkan dengan umur pencen 55 tahun.. JHK bagi semua etnik telah menunjukkan peningkatan yang sangat banyak tahun demi tahun. Sekarang ini, tahun

2000, JHK bagi bagi semua etnik dan semua jantina sudah melebihi 70 tahun. Kecuali JHK bagi etnik India lelaki sahaja 69.7 tahun. Pada tahun 2006 ini, saya kira semuanya sudah melebihi 70 tahun. JHK perempuan bagi semua etnik, semuanya sudah melebihi 75 tahun.

KESIMPULAN

Trend dalam mortaliti telah menunjukkan penurunan yang sangat banyak sejak tahun 1947. Sekarang ini paras mortaliti bagi penduduk Semenanjung Malaysia berada di paras yang sangat rendah. Walau bagaimanapun masih ada ruang untuk mempertingkatkan kemudahan klinik ibu mengandung dan klinik atau hospital untuk melahirkan anak bagi penduduk kawasan luar bandar dan estet-estet. Kemudahan ini akan dapat merendahkan lagi KKB bagi etnik Melayu dan India yang masih lebih tinggi dari KKB bagi etnik Cina yang kebanyakannya tinggal di bandar.

Jangkaan Hayat Kelahiran pula telah menunjukkan peningkatan yang sangat banyak sejak tahun 1957. Jangkaan Hayat Kelahiran etnik Melayu lelaki meningkat sebanyak 19.81 tahun, daripada 50.23 tahun pada tahun 1957 menjadi 70.04 pada tahun 2000. JHK perempuan Melayu meningkat sebanyak 21.67 tahun, daripada 53.39 tahun pada tahun 1957 menjadi 75.06 tahun pada tahun 2000. Bagi etnik Cina pula, JHK lelaki meningkat sebanyak 15.56 tahun, daripada 59.52 tahun pada tahun 1957 menjadi 75.08 tahun pada tahun 2000. JHK Cina perempuan pula meningkat sebanyak 11.36 tahun, daripada 66.73 tahun pada tahun 1957 menjadi 78.09 tahun pada tahun 2000. JHK etnik India lelaki pula meningkat sebanyak 11.81 tahun, daripada 57.49 tahun pada tahun 1957, menjadi 69.30 tahun pada tahun 2000. JHK etnik India perempuan pula meningkat sebanyak 20.82 tahun, daripada 54.60 tahun pada tahun 1957 menjadi 75.42 tahun pada tahun 2000. Peningkatan dalam JHK bagi etnik Cina, lelaki dan perempuan adalah kurang jika dibandingkan dengan etnik Melayu dan India, tetapi JHK etnik Cina lelaki dan perempuan adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan dua etnik yang lain tersebut.

Walaupun JHK bagi etnik Cina adalah paling tinggi berbanding dengan etnik Melayu dan India, tetapi masih ada ruang untuk dipertingkatkan lagi. Kempen mengenai pemakanan yang seimbang, kempen pengamalan gaya hidup sihat seperti eksesais dan tidak melibatkan diri dengan kegiatan yang mempunyai risiko kematian yang tinggi, seperti minum arak berlebihan, memandu dengan laju dan tidak mengikut peraturan, adalah antara perkara yang akan dapat mengurangkan risiko kematian sebelum umur sepatutnya.

Penurunan dalam paras mortaliti bagi penduduk Semenanjung Malaysia dan peningkatan yang sangat banyak dalam JHK, dan paras JHK bagi semua etnik yang agak tinggi sekarang ini, sudah cukup untuk dijadikan bukti bagi pihak pembuat polisi membuat semakan kepada polisi umur pencen di Malaysia. Bandingkan dengan negara-negara jiran dan dengan negara maju. Dengan JHK yang kurang daripada kita, umur pencen mereka adalah 60 tahun. Bagi kebanyakan negara maju, umur pencen negara mereka adalah 65 tahun. Sudah sampai masanya untuk negara kita juga menyemak semula polisi umur pencen bagi kaki tangan awam. Disyorkan, supaya umur pencen kaki tangan awam dinaikkan ke umur 60 tahun. Dengan memberi kelonggaran dengan syarat-syarat tertentu dan bagi perkhidmatan tertentu, umur pencen mereka boleh dinaikkan ke umur 65 tahun.

Kenaikan umur pencen tidak boleh dilihat sebagai membebankan kerajaan. Kenaikan umur pencen juga tidak boleh dilihat akan menyekat kenaikan pangkat golongan pekerja generasi muda. Kenaikan umur pencen bererti kerajaan akan meneruskan pembayaran gaji bulanan kepada pekerja. Berasaskan konsep pembayaran upah berasaskan daya produktiviti, pekerja yang masih boleh bekerja dengan baik dan produktif hendaklah disambung perkhidmatan mereka. Masalah kenaikan pangkat tidak timbul, kerana apa yang lebih penting adalah kenaikan kadar upah bagi semua golongan pekerja yang masih produktif. Kalaulah kedua-dua faktor ini tidak diambil kira, yang ruginya adalah pihak kerajaan juga. Mereka yang masih produktif, dipencenkan, dan mereka boleh bekerja di sektor swasta dan menghasilkan produktiviti yang lebih baik berdasarkan pengalaman kerja di sektor awam yang mereka miliki. Bukti hal ini tersangat banyak di keliling kita, sama ada dalam bidang perniagaan, pentadbiran dan politik. Mereka yang berumur lebih 56 tahun, malah yang berumur lebih 60 tahun, masih aktif dan produktif dalam bidang-bidang yang mereka ceburi. Polisi umur pencen di negara kita sekarang ini, yang cuma meningkatkan umur pencen dari 55 tahun menjadi 58 tahun, secara demografik, polisi ini boleh dianggap tidak dinamik.

RUJUKAN

- Bogue, D.J. 1969 , Principles of Demography, New York : Wiley.
- Malaysia, 1947, General Report of the Population Census 1947. Kuala Lumpur : Department of Statistics
- Malaysia, 1983, Laporan Am Banci Penduduk 1980, Vol. 2. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia
- Malaysia, 1993, Laporan Am Banci Penduduk 1991, Vol. 2. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia
- Malaysia, 2003, Laporan Am Banci Penduduk Malaysia, 2000. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia, 1968, Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia , 1967. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia, 1982 , Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia, 1981. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia, 1998, Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia, 1997. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Shryock, H.S. dan J.S. Siegel, 1975. Methods and Materials of Demography, Part 1. Washington : U.S. Department of Commerce.